

PENGAJIAN TADABBUR AL-QURAN DI APLIKASI TIKTOK: 'QURAN TADABBUR'

Nur Irsalina Binti Amran¹
Nurul Najihah Binti Kamal²
Syed Najihuddin Bin Syed Hasan³

¹Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
(E-mail: irsalinaamran@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
(E-mail: _najihahkamal@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
(E-mail: syednajihuddin@usim.edu.my)

ABSTRAK

Tadabbur merupakan usaha atau proses untuk mencari makna di sebalik zahir suatu perkara. Kalimah tadabbur juga digunakan pada setiap usaha manusia untuk mendalami hakikat sesuatu perkara. Penggunaan aplikasi TikTok sebagai satu medium perkongsian pelbagai ilmu bukan sahaja memanfaatkan golongan pelajar tetapi juga masyarakat umum yang berbilang kaum tanpa mengira usia dan latar belakang. Namun begitu, masyarakat pada masa kini lebih cenderung menggunakan aplikasi TikTok sebagai hiburan berbanding mengambil manfaat dan faedah seperti mengikuti slot agama, perkongsian dakwah dan ilmu. Justeru, kajian ini meninjau keberkesanan program yang mempelajari dan menghayati peringatan dan kebenaran ilmu Al-Quran secara bertadabbur di aplikasi TikTok terhadap masyarakat. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Hasil dapatan kajian mendapati, pembelajaran tadabbur Al-Quran melalui TikTok dapat memberikan maklumat dan kefahaman yang mendalam dalam penafsiran ayat suci Al-Quran. Oleh itu, aplikasi TikTok bukan sahaja digunakan untuk berhibur malah menggalakkan masyarakat memanfaatkan aplikasi tersebut. Perkongsian ilmu menerusi aplikasi TikTok juga mudah dilakukan iaitu hanya melalui perkongsian video pendek atau bersiaran secara langsung iaitu 'live'. Tuntasnya, penggunaan aplikasi TikTok menerusi akaun 'Quran Tadabbur' adalah digalakkan untuk memanfaatkannya dengan sebaik yang mungkin pada masa kini.

Kata Kunci: Tadabbur, Al-Quran, Tiktok

Pengenalan

Pada era globalisasi yang terus berkembang ini, platform media sosial seperti TikTok merupakan sebuah aplikasi yang terkenal di kalangan masyarakat, termasuk dalam penyebaran mahupun berkongsi pengetahuan agama. Penyelidikan dan tadabbur terhadap ayat-ayat Al-Quran menjadi semakin mudah diakses melalui pelbagai format dan kanal, termasuk aplikasi TikTok seperti perkongsian melalui video-video pendek atau membuat "live" yang membolehkan masyarakat menontonnya. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti fenomena

"Quran Tadabbur" di aplikasi TikTok. Pertumbuhan pesat pengguna TikTok yang melibatkan pelbagai lapisan umur dan latar belakang, menawarkan potensi unik untuk menyebarkan pemahaman agama, termasuk amalan tadabbur Al-Quran. Dengan menggabungkan unsur-unsur kreatif, kritis dan format pendek yang digunakan dalam TikTok, pengajian tadabbur Al-Quran di platform ini mampu mencapai audiens yang lebih meluas dan ramai.

Tadabbur al-Quran adalah untuk menyedarkan atau menghidupkan hati yang sepatutnya membuahkan hasil sebagai tanda kepada khusyuk seperti bergetar hati, menangis, takut, iman semakin bertambah, mengharap dan lain-lain. Kesedaran terhadap ilmu tadabbur adalah satu keharusan yang mesti disemai dalam jiwa setiap individu Muslim. Proses tadabbur bukanlah sesuatu yang ringan. Ia melibatkan hati yang terbuka dan jiwa yang bersedia merenung, mencernakan, dan meresapi makna ayat-ayat Ilahi. Mempelajari Al-Quran secara bertadabbur dapat membantu diri dalam meningkatkan kefahaman mengenai ayat suci Al-Quran. Golongan munafik, yang berpura-pura dengan Islam, terkandas dalam kesulitan untuk menjalankan proses tadabbur ini. Firman Allah S.W.T menyatakan dengan jelas tentang keadaan golongan munafik:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْفُرْعَانَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا ٢٤

“Adakah tidak mereka mentadabburkan al-Quran atau hati mereka terkunci.” [Surah Muhammad (47): 24] Oleh itu, al-Quran bukan setakat dibaca sahaja dengan tajwid yang betul tetapi mestilah ditadabbur. Dalam erti kata lain, hendaklah dikaji apa yang tersurat dan tersirat. Dan perkataan tadabbur juga membawa kita mengambil pengajaran baik untuk dijadikan teladan. Dapat dirumuskan bahawa tadabbur adalah proses memahami dan menghayati ayat-ayat Al-Quran sehingga mencapai maksud ayat secara menyeluruh. Tadabbur berlaku apabila seseorang terkesan dengan mesej al-Quran sehingga membuahkan kepada amalan dan tindakan mengikut acuan al-Quran.

Kajian ini akan menggali bagaimana pengguna TikTok menggunakan medium ini untuk berkongsi ayat-ayat Al-Quran dan merangsang proses tadabbur. Analisis akan merangkumi strategi kreatif, gaya penyampaian, dan interaksi dengan audiens. Di samping itu, melihat kepada keunikan aplikasi TikTok sebagai platform yang mempunyai kelebihan tersendiri. Diharapkan kajian ini dapat memberikan pandangan yang lebih mendalam mengenai bagaimana masyarakat menggunakan teknologi moden untuk mengembangkan pemahaman mereka terhadap ajaran Al-Quran, khususnya melalui penggunaan istilah 'Quran Tadabbur' di dalam konteks ini.

Matlamat utama adalah untuk meningkatkan pemahaman pengguna TikTok tentang ayat-ayat al-Quran dan memupuk budaya tadabbur. Tujuan 'Quran Tadabbur' adalah untuk menyampaikan nilai-nilai Quran melalui format video yang ringkas dan menarik melalui pendekatan kreatif dan interaktif. Kandungan akan disampaikan dengan menghormati kemuliaan al-Quran dan menarik perhatian masyarakat muda yang biasanya terpengaruh oleh platform media sosial. Kajian ini juga akan mengkaji pelbagai kaedah dan yang sesuai untuk menyampaikan pesanan Quran dengan cara yang menarik dan mendorong pengguna TikTok untuk memahami makna yang lebih mendalam daripada al-Quran.

Latar Belakang Kajian

Dalam meniti arus kemodenan ini, kemajuan teknologi yang pesat dapat lihat bahawa media sosial adalah salah satu medan dakwah yang penting dan sesuai dilakukan untuk meningkatkan dakwah Islam. Tambahan pula, Penggunaan aplikasi TikTok menjadi platform baharu untuk masyarakat menimba ilmu kerana setiap kandungan video menampilkan kaedah penyampaian maklumat secara ringkas dan kreatif, padat dengan fakta penting untuk dipelajari dan dihayati di platform berkenaan. Oleh itu, Tadabbur Al-Quran menjadi salah satu ilmu yang bermanfaat untuk dikongsi dan disebar di aplikasi tiktok kerana dapat memberi impak positif kepada masyarakat untuk memahami al-Quran melalui pendekatan tadabbur. Firman Allah yang bermaksud *“Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi Al-Quran? Kalaulah Al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya”*. (Surah an-Nisa, ayat 82) menekankan keutamaan tadabbur al-Quran kerana al-Quran diturunkan bukan hanya untuk dibaca malahan dituntut supaya difahami, dihayati dan mengamalkan isi kandungannya dalam kehidupan ini. Dengan cara bertadabbur, ia dapat mengkiaskan pengajaran itu terhadap kehidupan manusia secara peribadi atau masyarakat. Meskipun aplikasi tiktok adalah ruang untuk kandungan yang menyeronokkan dan positif yang dicipta oleh orang sebenar di seluruh dunia tetapi ini adalah peluang untuk menyampaikan nilai-nilai Islam kepada khalayak yang lebih besar dan pelbagai.

Permasalahan Kajian

Kehidupan harian masyarakat moden memerlukan penggunaan media sosial. Walau bagaimanapun, munculnya pelbagai isu dan kontroversi turut mengiringi kemajuan pesat ini, terutamanya apabila terdapat penyalahgunaan media sosial yang akan merosakkan masyarakat. Realiti ini turut dipengaruhi oleh aplikasi TikTok, yang merupakan salah satu platform popular. Selain itu, tidak semua pengguna memanfaatkan aplikasi TikTok sebagai medium dakwah untuk menambahkan pengetahuan mereka tentang Islam. Namun begitu, dalam era globalisasi yang serba canggih ini, kita hendaklah lebih peka terhadap teknologi yang ada dan merancang penggunaan media sosial dengan bijak, terutama dalam mencari ilmu agama.

TikTok juga merupakan platform yang mudah diakses untuk menyampaikan bahan keagamaan. Adalah menjadi kewajipan golongan pendidik agama atau pendakwah untuk menyampaikan kandungan yang mudah difahami dan mudah difahami supaya masyarakat dapat memahaminya dengan baik. Walau bagaimanapun, hal ini memerlukan pendakwah untuk memastikan pemahaman agama yang betul. Masyarakat harus berhati-hati apabila menggunakan TikTok. Menggunakan maklumat palsu, menggunakan hadis palsu, atau menafsirkan ayat Al-Quran dengan cara yang tidak tepat boleh merosakkan makna sebenar dan memberi maklumat yang salah kepada orang ramai. Oleh itu, pemahaman yang mendalam tentang ajaran agama dan kesedaran tentang sumber yang boleh dipercayai adalah penting untuk mengelakkan penyebaran maklumat palsu.

Seterusnya, kajian permasalahan dalam konteks pengajian tadabbur al-Quran melalui aplikasi TikTok, yang dikenali sebagai 'Quran Tadabbur', mungkin melibatkan beberapa aspek yang perlu diselidiki untuk memahami isu-isu yang mungkin timbul. Berikut adalah beberapa permasalahan yang mungkin perlu dijadikan fokus kajian seperti kurangnya pemahaman terhadap Al-Quran iaitu tahap pemahaman dan pengetahuan masyarakat, khususnya golongan muda, terhadap al-Quran. Selain itu, relevansi dan keberkesanan platform TikTok iaitu sebagai medium untuk menyampaikan mengenai Al-Quran melalui konten yang dikongsikan di

aplikasi tersebut dan tadabbur al-Quran sebagai pendidikan rohani dalam pemahaman mendalam terhadap ajaran Islam melalui pengajaran dan pemahaman al-Quran dapat diperkukuh melalui pendekatan tadabbur.

Dalam menjalani kehidupan di era digital ini, adalah tanggungjawab bersama untuk memastikan penggunaan media sosial, termasuk TikTok, dapat memberi manfaat yang positif dalam perkembangan ilmu dan spiritualitas, sambil menjauhi potensi bahaya dan kesesatan yang mungkin timbul dari penyalahgunaan platform tersebut.

Kajian Literatur

Konsep tadabbur

Kajian Zamri Bin Rajab, Prof Madya Dr. Zulazhan Bin Ab. Halim dan Muhammad Zawawi bin Muhammad Ali @ Yusoff (2018) bertujuan untuk meneroka konsep tadabbur Al-Quran melalui penelitian sekumpulan shahid Al-Quran dalam Kitab Tashil Nayl al-Amani. Kajian ini mendapati bahawa terdapat empat aspek mukjizat al-Quran yang boleh ditadabbur, iaitu ijaz bahasa, tulisan, bacaan dan ilmu pengetahuan. Keempat-empat aspek tersebut menghasilkan sebuah konsep tadabbur al-Quran yang menyumbang kepada pertambahan ilmu dalam bidang tatabahasa Arab. Penyelidikan ini telah menggunakan metodologi kualitatif. Ia digunakan sebagai instrument untuk mengumpul data.

Kajian Rohana Zakaria, Fatin Nazmin Mansor dan Khairul Anuar Mohamad (2017) bertujuan untuk mengupas makna tadabbur dan kepentingannya. Seterusnya membincangkan implikasi tadabbur al-Quran khususnya dalam meningkatkan spiritual pembaca al-Quran. Kajian ini merupakan kajian kualitatif deskriptif sebagai kaedah pengumpulan data. Hasil kajian ini membuktikan bahawa daripada proses tadabbur ini akan melahirkan seorang muslim yang berjiwa hamba. Jiwanya sebagai hamba Allah swt, sehingga dapat mencapai kekuatan spiritual yang paling unggul. Hatinya terasa hampir dengan Allah swt dan menjadi lebih tenang serta mendatangkan rasa rindu (wujudan) kepada keesaan dan kebesaran Tuhan.

Tadabbur secara atas talian

Kajian Mohd Sholeh Sheh, Yusuff Yusuf Haji-Othman dan Nurul Husna Mat Isa (2021) bertujuan untuk mendedahkan salah satu kaedah mentadabbur al-Quran menerusi aplikasi telefon pintar “Quran Tadabbur Digital” dengan memberi tumpuan kepada Surah al-Hadid sebagai dapatan awal dan contoh penyelidikan yang boleh dilakukan terhadap aplikasi-aplikasi dan surah-surah yang lain. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dan kaedah analisis kandungan bagi mengenal pasti penggunaan aplikasi tersebut sebagai salah satu cara mentadabbur ayat-ayat suci al-Quran. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa kaedah tadabbur yang digunakan menerusi aplikasi ini hanya menyentuh makna zahir ayat, dan tidak menyentuh perbincangan yang terlalu mendalam. Hal ini bertepatan dengan tujuan aplikasi ini dibuat iaitu memberikan maklumat dan kefahaman ringkas kepada masyarakat yang baru berjinak-jinak dengan aktiviti mentadabbur ayat suci al-Quran. Oleh itu, penggunaan aplikasi telefon pintar “Quran Tadabbur Digital” sebagai salah satu cara dalam

mentadabbur ayat-ayat suci al-Quran adalah digalakkan demi memanfaatkan penggunaan telefon pintar dengan sebaiknya pada masa kini.

Kajian Ilman Zuhar Alan Kiffani dan Ahmad Fakhruddin Fajrul Islam (2023) bertujuan untuk mengetahui strategi dan teknik dakwah universal Kevin Kausar di akaun TikTok Bang Kevin. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan metode analisis deskriptif "Strategi Komunikasi Dakwah Universal Bang Kevin Melalui Media TikTok". Dalam kajian ini, analisis deskriptif sangat relevan untuk memahami dan menggambarkan strategi dan teknik komunikasi dakwah yang digunakan oleh Kevin Kaustar melalui akaun TikTok Bang Kevin. Hasil kajian menunjukkan bahwa strategi komunikasi yang dilakukan oleh Kevin Kautsar adalah dengan menggunakan strategi komunikasi massa di mana Kevin Kautsar menggunakan media sosial dalam menyampaikan pesan dakwah. Strategi komunikasi massa dilakukan dengan menerapkan teori strategi komunikasi interpersonal yang lebih condong kepada pentingnya memahami dan memosisikan diri dengan audiens.

Kepentingan tadabbur

Kajian Rohana Binti Zakaria dan Dr. Zikmal Fuad (2014) bertujuan proses tadabbur adalah dijadikan panduan dalam menjalani kehidupan dunia dan akhirat. Tanpa mentadabburkan ayat-ayatnya, maka amat sukar untuk kita memahami dan menerima pengajaran dan ibrah untuk diimplementasikan dalam kehidupan kita. Selain itu, mencapai hasrat tersebut seseorang Muslim perlu menyelami dan mentadabbur al-Quran melalui belajar membaca, memahami serta mengamalkannya. Daripada proses tadabbur ini akan melahirkan seorang muslim yang berjiwa hamba. Hatinya terasa hampir dengan Allah SWT dirinya menyedari bahawa setiap langkah dalam hidupnya dilihat oleh Allah SWT. Penyelidikan ini telah menggunakan metodologi kualitatif sebagai pengumpulan data. Justeru, dapatan kajian yang diperolehi adalah mengetahui implikasi tadabbur Al-Quran khususnya dalam pembentukan insan yang berkualiti di sudut akhlak kehidupan seorang Muslim.

Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian di atas, berikut kajian ini dilakukan untuk mencapai ojektif-objektif berikut:

1. Memahami konsep tadabbur Al-Quran.
2. Mengkaji keberkesanan pengajian tadabbur al-quran di aplikasi tiktok: 'Quran Tadabbur'.
3. Menghuraikan kelebihan bertadabbur kepada umat Islam setelah memahami terjemahan dan penafsiran ayat suci Al-Quran.

Metodologi Kajian

Kajian kami menggunakan metodologi kualitatif dan kuantitatif yang merupakan dua pendekatan penyelidikan yang berbeza tetapi saling melengkapi. Pertama, pendekatan kualitatif dalam kajian ini melibatkan analisis mendalam terhadap pandangan, pendapat, dan pengalaman responden. Di samping itu, kaedah kuantitatif juga digunakan untuk mengumpul data dalam bentuk statistik dan angka. Data kajian juga diperolehi menerusi laman web borang


kaji selidik “Google Form” untuk menganalisis pengetahuan masyarakat Islam mengenai pengajian tadabbur Al-Quran di aplikasi TikTok. Kaji selidik berstruktur dengan soalan tertentu telah diedarkan kepada responden untuk meraih data kuantitatif yang dapat dianalisis secara statistik. Penyelidikan ini merangkumi pendekatan gabungan kualitatif dan kuantitatif. Pendekatan kualitatif digunakan untuk merinci pemahaman mendalam, manakala kaedah kuantitatif memberikan kesan umum dan mengukur faktor secara sistematik.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dalam dapatan kajian yang dijalankan, bahagian ini membincangkan analisa data dan memaparkan hasil penemuan kajian yang telah dilakukan daripada soal selidik yang telah diisi oleh 40 orang responden.

Hasil Dapatan Kajian

Bahagian A: Maklumat Demografi Responden




Rajah 1 : Peratusan Jantina

Sumber : Soal Selidik

Carta di atas menunjukkan demografi responden mengikut jantina. Daripada 40 orang responden, seramai 11 orang (27.5%) adalah terdiri daripada responden lelaki, manakala bakinya iaitu sebanyak 29 orang (72.5%) adalah responden perempuan.

UMUR

40 responses




Rajah 2 : Peratusan Umur

Sumber : Soal Selidik

Berdasarkan hasil kajian, sebanyak 40 orang responden yang disoal selidik. Seramai 6 orang responden (15%) yang berumur 35 tahun ke atas. Selain itu, responden yang paling tinggi seramai 26 orang responden (65%) adalah terdiri daripada responden yang berumur 18 tahun hingga 25 tahun. Seterusnya, responden yang berumur 26 tahun hingga 35 tahun adalah sebanyak 5 orang responden (12.5%) manakala responden yang berumur 18 tahun ke bawah adalah paling sedikit iaitu 3 orang responden (7.5%)

STATUS PENGGUNA TIKTOK

40 responses



Rajah 3 : Peratusan Status Pengguna Tiktok


Sumber : Soal Selidik

Dapatan hasil kajian menunjukkan daripada 40 orang responden, seramai 25 orang responden (62.5%) adalah pengguna aktif TikTok manakala pengguna yang tidak aktif adalah sebanyak 10 orang responden (25%). Selain itu terdapat 5 orang responden (12.5%) yang tidak menggunakan tiktok dalam kehidupannya.

Bahagian B: Penggunaan Aplikasi TikTok dan Pengalaman Pengguna

Berapa kerap anda menggunakan aplikasi TikTok?

40 responses




Rajah 4: Peratusan Kekerapan Penggunaan Aplikasi Tiktok

Sumber : Soal Selidik

Hasil kajian ini menunjukkan penggunaan aplikasi TikTok dan pengalaman pengguna ke atas 40 orang responden. Seramai 20 orang responden (50%) yang aktif mengguna TikTok pada setiap hari. Selain itu, terdapat responden yang menggunakan tiktok beberapa kali seminggu iaitu 14 orang responden (35%). Seterusnya, hanya 6 orang responden (15%) yang tidak menggunakan TikTok.

Adakah anda pernah menonton atau mengikuti akaun 'Quran Tadabbur' di TikTok?

40 responses




Rajah 5: Peratusan Responden Yang Menonton Atau Mengikuti Akaun 'Quran Tadabbur' Di Tiktok

Sumber : Soal Selidik

Dapatan hasil kajian mengenai penggunaan aplikasi tiktok dan pengalaman pengguna menunjukkan seramai 25 orang responden (62.5%) pernah menonton atau mengikuti akaun 'Quran Tadabbur' di TikTok manakala terdapat 15 orang responden (37.5%) yang tidak mengikuti akaun tersebut.

Adakah konten yang dikongsikan di akaun 'Quran Tadabbur' menarik dan mudah difahami ?

40 responses



Rajah 6: Peratusan Video Yang Dikongsikan Di Akaun 'Quran Tadabbur' Menarik Dan Mudah Difahami


Sumber : Soal Selidik

Berdasarkan hasil kajian, seramai 35 orang responden (87.5%) bersetuju konten yang dikongsikan di akaun 'Quran Tadabbur' menarik dan mudah difahami manakala 5 orang responden (12.5%) tidak bersetuju dan tidak memahami konten yang dikongsikan di akaun tersebut.

Bahagian C: Keberkesanan Pengajaran Tadabbur di TikTok

Adakah anda memahami konsep tadabbur Al-Quran?

40 responses




Rajah 7: Peratusan Yang Memahami Konsep Tadabbur Al-Quran

Sumber : Soal Selidik

Dapatan hasil kajian mengenai keberkesanan pengajaran tadabbur di TikTok menunjukkan seramai 32 orang responden (80%) memahami konsep tadabbur Al-Quran manakala terdapat 8 orang responden (20%) yang tidak memahami konsep tadabbur Al-Quran di TikTok.

Adakah anda percaya bahawa pengajaran tadabbur Al-Quran di TikTok boleh memberi impak positif terhadap pemahaman anda terhadap Al-Quran?

40 responses




Rajah 8: Peratusan Responden Yang Percaya Bahawa Pengajaran Tadabbur Al-Quran Di Tiktok Boleh Memberi Impak Positif Terhadap Pemahaman Terhadap Al-Quran

Sumber : Soal Selidik

Dapatan kajian menunjukkan kesan pembelajaran tadabbur terhadap pemahaman Al-Quran di aplikasi TikTok iaitu seramai 35 responden (87.5%) menyatakan pengajaran yang dilakukan di aplikasi TikTok memberikan kesan positif manakala seramai 5 responden (12.5%) yang mengatakan tidak.

Adakah anda merasa penggunaan format video pendek dalam pengajaran tadabbur Al-Quran di TikTok lebih menarik berbanding kaedah pengajaran konvensional?

40 responses




Rajah 9: Peratusan Responden Yang Merasa Penggunaan Format Video Pendek Dalam Pengajaran Tadabbur Al-Quran Di Tiktok Lebih Menarik Berbanding Kaedah Pengajaran Konvensional

Sumber: Soal Selidik

Dapatan kajian menunjukkan menunjukkan daripada 40 orang responden, seramai 35 orang responden (87.5%) bersetuju bahawa penggunaan format video pendek dalam pengajaran tadabbur al-quran di tiktok lebih menarik berbanding kaedah pengajaran konvensional manakala 5 orang responden (12.5%) yang tidak bersetuju.

Adakah penggunaan 'Quran Tadabbur' di TikTok telah memberi kesan positif terhadap amalan keagamaan anda?

40 responses



Rajah 10: Peratusan Penggunaan 'Quran Tadabbur' Di Tiktok Yang Telah Memberi Kesan Positif Terhadap Keagamaan

Sumber : Soal Selidik

Dapatan kajian berikut menunjukkan seramai 36 responden (90%) menyatakan telah memberikan kesan positif terhadap amalan keagamaan dalam menambahkan kefahaman dan keimanan memahami ayat suci Al-Quran manakala seramai 4 responden (10%) menyatakan tidak.

Konsep Tadabbur Al-quran

"Tadabbur" merupakan perkataan dalam bahasa Arab yang merujuk pada suatu konsep yang dapat diterjemahkan sebagai "pemikiran mendalam", atau "refleksi". Dalam konteks agama Islam, istilah "tadabbur" sering digunakan untuk menggambarkan pendekatan yang mendalam terhadap pemahaman Al-Quran. Ini mencakup pemahaman makna ayat-ayat Al-Quran, serta mencari pelajaran dan petunjuk yang dapat diambil dari ayat-ayat tersebut. Tadabbur dalam konteks ini tidak hanya sebatas pemahaman teks secara harfiah, tetapi juga mencakup dimensi spiritual, moral, dan praktis.

Menurut Asy-Syaikh Ibnu Katsir, tadabbur ialah memahami makna dari lafadz Al-Qur'an, dan memikirkan mengenai apa yang ayat-ayat Al-Qur'an tunjukkan tatkala tersusun, dan yang terkandung di dalamnya, dan juga apa yang menjadikan makna – makna Al-Qur'an itu sempurna, dari segala isyarat dan peringatan yang tidak tampak dalam lafaz Al-Qur'an, serta pengambilan manfaat oleh hati dengan tunduk di hadapan nasihat-nasihat Al-Qur'an, patuh terhadap perintah-perintahnya, dan mengambil ibrah darinya.

Tadabbur atau merenungi ayat ayat Al Quran merupakan tujuan yang utama diturunkannya kitab suci (Al-quran) ini. Sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ ٢٩

Terjemahan : “Ini adalah kitab yang kami turunkan kepadamu penuh berkah agar mereka mentadaburi (memperhatikan) ayat-ayatnya dan agar orang yang berakal sehat mengambil pelajaran”. [QS. Ash-Shaad (38): 29]

Secara umum, konsep tadabbur dapat diterapkan dalam berbagai konteks, tidak hanya terbatas pada aspek agama. Ini mencakup pemikiran mendalam tentang makna hidup, nilai-nilai moral, hubungan antara manusia, dan berbagai aspek kehidupan lainnya. Tadabbur melibatkan refleksi yang mendalam, memeriksa makna di balik suatu pengalaman atau konsep, dan mencari pemahaman yang lebih luas dan mendalam.

Penting untuk dicatat bahwa konsep tadabbur dapat bervariasi dalam interpretasi dan aplikasinya tergantung pada konteks budaya, agama, dan filosofis tertentu. Namun, secara umum, tadabbur menggambarkan suatu pendekatan pemikiran yang mendalam, kontemplatif, dan reflektif terhadap berbagai aspek kehidupan.

Seterusnya, berikut merupakan sebab Allah memerintahkan makhluk-Nya (manusia) untuk mentadaburkan Al-Qur'an supaya mereka dapat memahami dan juga menghayati makna atau isinya dengan benar.

Dalam Al-Qur'an, menunjukkan ayat yang memerintahkan manusia untuk mentadaburinya (Al-Qur'an), khususnya terhadap kaum kafir & kaum munafik. Sebagaimana firman-Nya yang tertulis di dalam Al Quran Nul Karim, sebagai berikut:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْفُرْعَانَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا ٨٢

Terjemahan: “Mengapa mereka tidak mentadaburkan Al Qur'an? Jika Al-Qur'an itu (datang) dari selain Allah, tentu mereka akan menemukan di dalamnya perselisihan yang banyak”. [QS. An-Nisaa' (4): 82]

Kelebihan Tadabbur Al-Quran

Umat Islam digalakkan agar sentiasa menghayati dan mengkaji ayat al-Quran supaya mereka beroleh mutiara ilmu serta hikmah daripadanya. Manusia perlu melakukan tadabbur dengan meneliti dan menghayati isi kandungan al-Quran secara mendalam agar petunjuk yang diberikan Allah SWT dalam kitab suci al-Quran al-Karim itu dapat memperteguhkan keimanan kita kepada Allah SWT. Hakikat tadabbur hanya berlaku semasa proses pemahaman al-Quran. Memahami maksud ayat Al-Quran membolehkan kita fahami mukjizat dan keajaiban ayat al-Quran. Lazimnya, kandungan ayat Al-Quran adalah dalam bentuk peringatan, penceritaan, perbandingan dan lain-lain. Ada kandungannya yang boleh digunakan sebagai ikhtiar dalam kehidupan. Ada kandungannya yang boleh digunakan sebagai ikhtiar dalam kehidupan.

Selain itu, susunan ayat al-Quran yang indah dan sempurna juga menjadi bukti kepada kemukjizatannya dan juga sarat dengan hikmah dan di dalamnya banyak disebutkan dengan

pelbagai sikap manusia. Justeru, dengan memahami ayat-ayat al-Quran, kita akan faham dengan pengajaran dan peringatan Allah kepada hamba-Nya. Ini menjadi petunjuk dan hidayah dari Allah SWT untuk menjadi hamba-Nya yang terbaik. Hal ini akan melahirkan rasa rendah diri kepada Allah SWT dan sentiasa taat kepada perintah-Nya.

Seterusnya, kita akan memperoleh ketenangan apabila membaca Al-Quran secara bertadabbur. Apabila seseorang membaca secara bertadabbur, dia mampu untuk duduk dan membaca al-Quran tanpa merasa jemu dan bosan. Bahkan jika satu hari tidak membaca Al-Quran akan hadir perasaan rindu terhadapnya. Hati dan jiwa orang yang sentiasa membaca Al-Quran akan menjadi tenang dan lapang kerana pada setiap masa akan teringat dan mengingati Allah s.w.t. Firman Allah dalam surah al-Ra'd ayat 28,

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ٢٨

Maksudnya : "(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia.

Hal ini menunjukkan apabila beramal dengan tadabbur ayat Al-Quran akan melahirkan sifat taqwa dalam diri dan meningkatkan keyakinan serta keimanan terhadap Allah swt. Pembaca al-Quran yang memahami ayat-ayat Allah dikurniakan hati yang bersih, tenang dan hidup bersama al-Quran. Kesannya, iman seseorang muslim akan bertambah apabila memahami, meyakini dan mengamalkan al-Quran, serta istiqamah dalam melakukan amal kebajikan.

Penutup

Intihanya, penghayatan Al-Quran melalui usaha dan amalan tadabbur di akaun tiktok “Quran Tadabbur” dapat melahirkan sifat takwa dan meningkatkan keimanan terhadap Allah SWT bahkan juga dapat mengisi masa lapang dengan perkara yang baik apabila menonton video yang bermanfaat daripada berhibur dengan perkara yang tidak berfaedah. Meskipun aplikasi Tik Tok menjadi tumpuan Masyarakat pasa masa kini, namun hal tersebut tidak menghalang seseorang untuk melakukan dakwah melalui media sosial malah dapat menjadikan sesuatu perkara itu dipraktikkan dalam kehidupan seseorang individu. Justeru, pentingnya tadabbur Al-Quran dalam kehidupan seharian supaya membuahkan hasil ketenangan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Firman Allah bermaksud: “Inilah sebuah kitab yang kami turunkan kepada kamu dengan penuh berkat supaya mereka memerhatikan ayat-ayatnya (tadabbur) dan supaya orang yang mempunyai akal fikiran mengambil pelajaran daripadanya.” (Surah Sad, ayat 29) jelaslah bahawa bahawa al-Quran diturunkan bukan hanya untuk dibaca malahan dituntut supaya difahami, dihayati dan mengamalkan isi kandungannya dalam kehidupan ini. Oleh itu. Umat Islam digalakkan agar sentiasa menghayati dan mengkaji Al-Quran agar beroleh Mutiara ilmu serta hikmah daripadanya.

Rujukan

Al-Quran AL-Karim.

Ahmad. (2000). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan alQuran*. Penerbit Universiti Malaya.

- Ab. Razak, M. S. (2011). *Sehingga Al-Quran Terpahat Di Hati*. Telaga Biru Sdn Bhd.
- Anuar, A. N. A., Azhar, R. J., et al. (2022). Media Sosial Sebagai Platform Penyampaian Dakwah (Implikasinya Terhadap Remaja). *Jurnal Islam*.
- Septiani, E. A. (2022). *Penggunaan Aplikasi TikTok Sebagai Media Dakwah (Analisis Isi Pada Akun@basyaman00)*. UIN Sultan Maulana Hasanuddin Banten.
- Batubara, H. M. R., & Akhyar, H. A. (2012). *Mendekati Al-Quran*. Alam Raya Enterprise.
- Hawkins. (2004). *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar* (Edisi keempat, dikemaskini). Oxford Fajar, Malaysia.
- Iswati, N. (2020). *Analisis penerimaan pengguna video di media sosial sebagai media dakwah*. Fakultas Sains dan Teknologi UIN Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Mat Sin, N. Z. (2013). *Konsep Tadabbur: Suatu Kupasan*. Centre of Quranic Research (CQR) Wisma R&D Universiti Malaya.
- Mat Sin, N. Z. (2014). *Definisi Qawa'id Al-Tadabbur: Satu Analisis Perbandingan Dengan Qawa'id Al-Tafsir*.
- Rajab, Z., Halim, Z. A., Teh, K. S. M., & Ali, M. Z. M. (2018). *Konsep tadabbur al-quran melalui penggunaan shahid al-quran dalam kitab tashil nabl al-amani*. Seminar PDPC Abad 21 Peringkat Kebangsaan 2018 IPG Kampus Sultan Mizan, Besut Terengganu, Malaysia.
- Alwi al-Maliki, S. M. (2010). *Keistimewaan-keistimewaan alQuran*. Terbitan Alam Raya Enterprise.
- Yusuff, S., Sholeh, M., Haji-Othman, Y., & Mat Isa, N. H. (2021). Tadabbur Al-Quran Menerusi Aplikasi Telefon Pintar (Mobile Apps) Quran Tadabbur Digital: Kajian Terhadap Surah Al-Hadid. *International Journal of Academic Research in Business and Social Science*.
- As-Syanqithi, S. (2010). *Tafsir adhwa'ul Bayan tafsiral-Quran dengan al-Quran*. Pustaka Azzam.
- Zakaria, R., Mansor, F. N., & Mohamad, K. A. (2017). Tadabbur al-Quran: Implikasinya Dalam meningkatkan spiritual. *Jurnal Qiraat*.